



Dr Zulkiple (tengah) bersama Dr Mohd Yahya (kiri) dan Chamil Wariya (dua dari kanan) selepas majlis perasmian Seminar Media Dakwah 2015 di USIM, Nilai, semalam.

(FOTO MUHAMMAD FAIZ BAHARIN/BH)

USIM sasar teraju komunikasi dakwah

Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berhasrat menjadi peneraju dalam bidang komunikasi dakwah dan Islam di negara ini.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa USIM, Profesor Dr Zulkiple Abd Ghani, berkata sebagai universiti berteraskan ilmu aqli dan naqli (dunia dan akhirat), mereka berperanan meluaskan kefahaman secara komprehensif mengenai komunikasi dari aspek Islam dan nilai agama.

Katanya, ia turut membabitkan penggunaan media sosial sebagai medium komunikasi yang boleh dijadikan platform dalam menyebarkan dakwah kerana lebih pantas dan interaktif.

Anjur pelbagai seminar

"USIM giat menjalankan pelbagai seminar serta membuka ruang integrasi dan interaksi membabitkan pengalaman dalam bidang berkaitan, selain menjalankan penyelidikan dalam usaha mewujudkan satu dimensi baharu dalam komunikasi dakwah dan Islam bersifat kontemporari.

"Semua maklumat dan hasil kajian itu nanti boleh dijadikan rujukan universiti lain, sama ada dari dalam dan luar negara untuk memperkasa pengetahuan dalam bidang berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Seminar Kebangsaan Media Dakwah (SMED) 2015 dengan tema Kredibiliti, Keperca-

yaan dan Reputasi Media di Era Digital anjuran Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM, Profesor Madya Dr Yahya Mohamed Ariffin dan Karyawan Tamu Komunikasi USIM yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akhbar Malaysia (MPI), Datuk Dr Chamil Wariya.

Zulkiple berkata, SMED yang mengumpulkan 55 peserta terdiri daripada pensyarah dan pelajar dalam bidang komunikasi dari universiti awam dan swasta seluruh negara, menjadi landasan terbaik untuk memartabatkan prinsip dan komunikasi Islam.